

# 5 ditahan kes rasuah tengah laut

BH 13 | 09 | 23 m/s 15

**Kuala Lumpur:** Penguat kuasa perairan negara dipercayai menerima suapan di tengah laut bagi melindungi nelayan yang melanggar undang-undang selepas kegiatan itu terbongkar dalam Ops Tunda kedua dijalankan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), sejak kelmarin.

Antara kesalahan dilepaskan petugas agensi penguatkuasaan itu membabitkan nelayan pukat tunda dan pukat harimau, menggaji pekerja asing tanpa permit dan menangkap ikan di luar zon dibenarkan.

Pengarah Bahagian Perisikan SPMR, Datuk Azmi Kamaruzaman mengesahkan perkara itu, namun enggan mengulas lanjut.

Terdahulu, lima anggota penguat kuasa sebuah agensi direman enam hari bermula semalam bagi membantu siasatan kes meminta dan menerima rasuah daripada pemilik bot nelayan di Kedah antara 2018 hingga 2021.

Lima suspek berkenaan adalah antara sembilan penguat kuasa ditahan SPMR kelmarin kerana dipercayai meminta dan menerima rasuah daripada pemilik bot nelayan dan *runner* antara 2018 hingga 2021.